



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERGERAKAN PULANG MURID ASRAMA
SEMPENA CUTI HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2021**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa murid di asrama sekolah/Kolej Tingkatan Enam (KTE)/Kolej Vokasional (KV) dibenarkan untuk pulang sempena Cuti Hari Raya Aidilfitri Tahun 2021 secara berperingkat mulai **6 Mei 2021 (Khamis)** bagi Kumpulan A (Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu) dan **7 Mei 2021 (Jumaat)** bagi sekolah Kumpulan B (Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya).

KPM telah memutuskan bahawa murid dibenarkan pulang melalui kaedah berikut:

- i. menaiki bas yang disediakan oleh pihak sekolah;
- ii. dijemput oleh ibu bapa/penjaga;
- iii. menggunakan pengangkutan udara atau air (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan); atau
- iv. menggunakan kenderaan sendiri (hanya untuk pelajar Tingkatan Enam dan pelajar KV).

Pihak sekolah/KTE/KV akan memaklumkan jadual pergerakan pulang murid kepada ibu bapa/penjaga.

Sekiranya ibu bapa/penjaga menjemput anak/anak jagaan mereka, surat pengesahan bagi tujuan pergerakan ibu bapa/penjaga merentas negeri/zon akan dikeluarkan oleh pihak sekolah/KTE/KV bagi setiap murid. Kebenaran ini adalah untuk dua (2) orang ibu bapa/penjaga sahaja dalam setiap kenderaan.

Merujuk Prosedur Operasi Standard (SOP) Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara, maka:

- i. murid yang sedang dalam tempoh kuarantin perlu kekal berada di asrama sehingga tamat tempoh kuarantin; dan
- ii. murid yang asramanya berada di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) perlu kekal berada di asrama sehingga tamat tempoh PKPD.

KPM telah menyediakan **Garis Panduan Pengurusan Murid Asrama Pulang Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2021** sebagai rujukan kepada pihak sekolah/KTE/KV dan ibu bapa/penjaga. Garis panduan ini turut terpakai kepada Institusi Pendidikan Swasta yang berdaftar dengan KPM. Garis panduan ini boleh dimuat turun di laman sesawang: <https://www.moe.gov.my>.

Seperti mana yang telah diumumkan oleh KPM pada 26 April 2021, murid perlu kembali ke asrama sebelum atau pada **12 Jun 2021 (Sabtu)** bagi sekolah **Kumpulan A** dan sebelum atau pada **13 Jun 2021 (Ahad)** bagi sekolah **Kumpulan B**. Pihak sekolah/KTE/KV akan memaklumkan jadual pergerakan pulang murid kepada ibu bapa/penjaga.

KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.

-TAMAT-

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

1 MEI 2021